

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16 JAN 2015

Merangkumi penduduk, peniaga dan kemudahan infrastruktur

# Pakej bantuan banjir

Um-16/1/2015

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA  
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 15 JAN.

**K**ERAJAAN akan mengumumkan pakej bantuan menyeluruh kepada mangsa banjir di seluruh negara berikutan bencana terburuk itu, Selasa ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pakej menyeluruh tersebut merupakan antara fokus utama kerajaan bagi tahun ini dan bantuan itu merangkumi penduduk, golongan peniaga serta kemudahan infrastruktur.

Berita gembira itu disampaikan Perdana Menteri sebaik sahaja beliau mengumumkan inisiatif penawaran Produk Pembiayaan Peribadi-i oleh Bank Rakyat dengan jumlah maksimum RM50,000 kepada semua mangsa banjir.

"Saya lihat sendiri bandar-bandar seperti Kuala Krai di Kelantan, yang tidak ada urusan perniagaan langsung selama beberapa hari, kedai-kedai musnah. Bayangkan kita miliki kedai tetapi dengan semua barangan musnah.

"Rumah bukan sahaja tersadai di atas jalan tapi banyak yang musnah. Bayangkan selepas banjir, selut pula setebal satu kaki (0.3 meter)," katanya semasa berucap merasmikan Menara Berkembar Bank Rakyat di sini hari ini.

Sempena majlis tersebut, Najib seterusnya mengumumkan pertukaran nama Jalan Travers sepanjang 300 meter yang terletak di hadapan Menara Berkembar Bank Rakyat kepada Jalan Rakyat berkuat kuasa serta-merta.

Yang turut hadir Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hassan Malek; timbalannya, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah; Pengerusi Bank Rakyat, Datuk Mat Noor Nawati dan Pengarah Urusan merangkap Presiden Bank Rakyat,



NAJIB TUN RAZAK diiringi Hassan Malek merasmikan Menara Berkembar Bank Rakyat di Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir (dari kanan), Mustafha Abd. Razak, Mat Noor Nawati dan Ahmad Bashah Md Hanipah. - UTUSAN/MOHD. NAJIB MOHD. NOR

Datuk Dr. Mustafha Abd. Razak.

Kerajaan sebelum ini dalam langkah proaktifnya mengumumkan bantuan khas RM500 juta kepada mangsa banjir di negeri yang dilanda bencana tersebut dengan penyaluran dana diuruskan sepenuhnya Majlis Keselamatan Negara.

Langkah itu kemudiannya disusuli dengan pengumuman Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan bahawa pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), yang dijadual akhir Januari ini dipercepat kepada pertengahan bulan.

Selain itu, bagi meringankan lagi beban mangsa banjir, kerajaan

turut meminta institusi kewangan dan agensi yang menguruskan dana pinjaman agar menjadualkan semula tempoh pembayaran peminjam yang terjejas.

Berhubung Produk Pembiayaan Peribadi-i, Najib menjelaskan, permohonan pinjaman peribadi dengan kadar keuntungan serendah 3.9 peratus untuk tempoh sehingga tujuh tahun itu, dibuka selama sebulan mulai 19 Januari hingga 19 Februari.

"Ini adalah sebahagian daripada usaha kita untuk membantu mangsa banjir meneruskan kehidupan tetapi hanya mereka yang mempunyai bukti atau dokumen pengesa-

han daripada MKN dan pihak polis sahaja boleh memohon," ujarnya.

Mengenai Bank Rakyat, Perdana Menteri berkata, kejayaan institusi perbankan itu membina menara berkembar di kawasan yang cukup strategik iaitu bersebelahan Kuala Lumpur Sentral (KL Sentral) adalah lambang kejayaan gemilang.

Katanya, selepas mengharungi pelbagai cabaran getir selama 60 tahun, Bank Rakyat kini menjadi salah satu lambang kepada kepercayaan dan kemampuan rakyat Malaysia dalam bidang perniagaan sehingga diakui masyarakat antarabangsa.